

'Perbuatan menyorok sampah di bawah tikar kecewakan rakyat'

BATU PAHAT, Rabu — Kerajaan pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tidak akan menyapu sampah ke bawah tikar hingga boleh menyebabkan keadaan bertambah kotor dan berbau.

Menteri Penerangan Datuk Mohammad Rahmat menjelaskan perbuatan menyorok sampah di bawah tikar harus dihentikan segera jika tidak ia akan mengecewakan harapan rakyat.

Menurut beliau, sebagai sebuah kerajaan yang cekap, lincis dan bersih "kita menyambut baik segala teguran membina termasuk menerusi media massa terutama akhbar-akhbar.

"Kalau kita mempunyai kelemahan, ia tidak akan kita sembunyikan kerana lambat laun akan diketahui ramai, tambahan pula ia tidak akan membantu kita mewujudkan kerajaan yang cekap, lincis dan bersih."

Datuk Mohammad berkata demikian ketika menutup gerakan tumpuan kawasan Parlimen Sri Gading di Sekolah Kebangsaan Seri Nasib Baik, Parit, Betong kira-kira 15 batu dari sini petang semalam.

Di samping itu tegas beliau para pegawai kerajaan harus meningkatkan kemampuan berfikir, merancang dan bekerja memandangkan cara berfikir rakyat ketika ini semakin ketara.

"Jika kita berfikir dan bertindak cara lama, nescaya rakyat akan lebih kecewa di mana akhirnya kerajaan akan menjadi sasaran," ujarnya.

Menteri itu juga menasihatkan mereka dari amalan menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa.

Rakyat, tambah beliau, mempunyai dua badan kerajaan — Biro Siasatan Negara dan Biro Bantuan Guaman — untuk menyampaikan perasaan kecewa mereka akibat dari sikap para pegawai kerajaan yang tidak menyenangkan mereka.

Datuk Mohammad berharap rakyat menggunakan badan-badan kerajaan itu sebaik-baiknya jika terdapat bukti-bukti jelas menunjukkan seseorang pegawai kerajaan telah menyeleweng.